

# MENAMBAHKAN PELUANG PEMULIHAN DENGAN MEMPERTINGKATKAN PERLINDUNGAN ANDA

## FAEDAH KARSINOMA-IN-SITU UNTUK PELAN ALLIANZ POWERLINK

Jika anda memiliki pelan insurans berkait pelaburan dengan premium kerap (Allianz PowerLink) kami bersama dengan lampiran HealthCover atau HealthCover Plus, anda boleh mempertingkatkan perlindungan selanjutnya dengan menambahkan rider pembatalan unit kami - HealthCover Enhancer.

Apabila pertama kali didiagnosis dengan Karsinoma-In-Situ, amaun diinsuranskan rider HealthCover Enhancer akan dibayar sebagai manfaat pendahuluan ke atas

HealthCover atau HealthCover Plus tertakluk kepada amaun maksimum RM40,000 setiap hayat. Dalam kata lain, sebahagian daripada amaun diinsuranskan anda boleh digunakan terdahulu untuk perbelanjaan rawatan anda.

Sila ingat bahawa pengesanan dan rawatan awal boleh mempertingkatkan peluang pemulihan, dan perancangan kewangan awal boleh mengembalikan kesihatan anda seperti sedia kala tanpa dibelenggu oleh perbelanjaan perubatan.

Senario 1 : HealthCover Enhancer dilampirkan bersama HealthCover

Amaun diinsuranskan sebelum tuntutan	Amaun diinsuranskan selepas tuntutan ke atas HealthCover Enhancer
Allianz PowerLink : RM 100,000	Allianz PowerLink : RM 100,000 – RM 12,500 = RM 87,500
HealthCover : RM 50,000	HealthCover : RM 50,000 – RM 12,500 = RM 37,500
HealthCover Enhancer : RM 12,500	HealthCover Enhancer : Tamat

Senario 2 : HealthCover Enhancer dilampirkan bersama HealthCover Plus

Amaun Diinsuranskan sebelum tuntutan	Amaun Diinsuranskan selepas tuntutan ke atas HealthCover Enhancer
Allianz PowerLink : RM 100,000	Allianz PowerLink : RM 100,000
HealthCover Plus : RM 50,000	HealthCover Plus : RM 50,000 – RM 12,500 = RM 37,500
HealthCover Enhancer : RM 12,500	HealthCover Enhancer : Tamat

### Definisi Karsinoma-In-Situ

Karsinoma-In-Situ (CIS) bermaksud pertumbuhan baru berautonomi fokus sel-sel karsinomatous yang belum menyebabkan pencerobohan tisu normal. "Pencerobohan" bermaksud penembusan dan/atau pemusnahan tisu normal secara aktif menyeberangi membran dasar. Diagnosis CIS mesti sentiasa didiagnosis dengan positif berdasarkan laporan histopatologi dan disokong, dalam kes CIS serviks

oleh biopsi kon atau kolposkopi dengan biopsi serviks.

Diagnosis Klinikal untuk klasifikasi Cervical Intraepithelial Neoplasia (CIN) yang melaporkan CIN I, CIN II, dan CIN III (displasia parah tanpa CIS) tidak memenuhi definisi yang diperlukan dan dikecualikan secara khususnya. CIS untuk sistem empedu juga dikecualikan secara khususnya.



Risalah ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan maklumat yang terkandung adalah tidak komprehensif dan menyeluruh. Anda mungkin perlu merujuk Lembaran Pendedahan Produk (PDS) dan Ilustrasi Jualan (SI) untuk keterangan lanjutan. Kedua-dua PDS dan SI boleh diperolehi daripada ejen yang berkhidmat untuk anda.

Pembaharuan HealthCover Enhancer adalah terjamin. Semua pembaharuan adalah tertakluk kepada nilai dana yang mencukupi dalam akaun pelaburan dan kos insurans untuk apa-apa pembaharuan adalah tidak terjamin. Kami berhak mengubah kadar-kadar, faedah-faedah, terma-terma dan syarat-syarat. Anda akan diberitahu secara bertulis tentang perubahan tersebut sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sebelum pembaharuan polisi.

Anda harus memastikan bahawa rider ini memenuhi keperluan anda serta kos insurans rider ini adalah di dalam kemampuan anda. Tempoh percubaan selama lima belas (15) hari atau dalam tempoh lebih lama sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Bank Negara Malaysia, dari tarikh penerimaan kontrak tambahan ini oleh anda akan diberikan untuk anda mempertimbangkan kesesuaiannya dan sekiranya anda memilih untuk memulangkan rider ini dalam tempoh tersebut, jumlah yang akan dikembalikan adalah kos insurans untuk rider ini selepas menolak sebarang perbelanjaan bagi pemeriksaan perubahan.

Cukai Perkhidmatan (jika berkenaan) akan dikenakan pada kadar 6% ke atas bahagian premium/yuran/caj anda yang berkenaan untuk tempoh perlindungan insurans.

### Kos Insurans

Kos insurans untuk HealthCover Enhancer dibiayai melalui pembatalan unit daripada akaun pelaburan polisi anda. Jumlah yang ditolak adalah bergantung kepada jumlah dan jenis perlindungan yang dipilih, dan juga faktor lain seperti umur, jantina, keadaan kesihatan, samada perokok atau tidak dan lain-lain. Kos insurans terkini untuk HealthCover Enhancer dijelaskan di dalam ilustrasi jualan dan anda boleh mendapatkan satu salinan daripada ejen perkhidmatan anda.

### Pengecualian





Kontrak tambahan HealthCover Enhancer tidak akan meliputi:

- (a) sebarang Karsinoma-In-Situ yang terdahulu memanasifestasikan dirinya sebelum seratus dua puluh (120) hari selepas Tarikh Terbitan atau Tarikh Pengembalian Semula kontrak tambahan ini, yang mana terkemudian;
- (b) sebarang Karsinoma-In-Situ yang wujud pada Tarikh Terbitan atau Tarikh Pengembalian Semula kontrak tambahan ini, yang mana terkemudian;
- (c) semua Karsinoma-In-Situ dalam kehadiran HIV.

### Allianz Life Insurance Malaysia Berhad (104248-X)

(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

Allianz Arena, Ground Floor, Block 2A, Plaza Sentral, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur.

Pusat Hubungan Allianz: 1 300 22 5542 E-mel: customer.service@allianz.com.my   AllianzMalaysia   allianz.com.my